Noor bt Boja (seorang balu yang menuntut persendirian dan bagi pihak tanggungan-tanggungan Yahaya bin Awang, si mati) lwn Kerajaan Malaysia dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN SIVIL NO 12–84 TAHUN 2004
MARIANA YAHYA PK
24 OCTOBER 2009

Tort — Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Lubang pada jalan raya atau jalan tidak rata menyebabkan kemalangan dan kematian si mati — Sama ada responden kedua gagal membaiki atau meletakkan tanda amaran — Percanggahan dalam keterangan saksi — Sama ada keterangan rajah kasar dan kunci dijadikan panduan — Sama ada hakim bicara membuat keputusan bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan

Perayu membawa tuntutan ini di bawah s 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 menuntut sebagai tanggungan kepada si mati iaitu, Yahaya bin Awang ('si mati') yang merupakan suami kepada perayu. Selain dari perayu, si mati juga meninggalkan tiga orang anak berusia 12, sepuluh dan lapan tahun. Pada 7 Jun 1996, semasa si mati sedang menunggang motosikalnya dari arah Nenasi menuju ke Rompin, si mati dikatakan telah terjatuh dari motosikalnya selepas terlanggar permukaan jalan yang tidak rata di Jalan Nenasi dan Jalan Rompin Pekan. Akibat dari kemalangan tersebut si mati telah meninggal dunia pada 12 Jun 1996 dan sebab-sebab kematian dinyatakan di dalam sijil kematian sebagai 'MVA with head injury-right temporal intracerebral hemorrhage'. Perayu menyaman responden/defendan kedua sebagai syarikat kontraktor dan juga ejen kepada responden/defendan pertama untuk tugas membaiki jalan yang mana telah cuai dalam membaiki jalan atau meletakkan sebarang tanda amaran pada masa kejadian. Perayu mengemukakan dua saksi bebas, SP1, yang membuat rajah kasar dan kunci serta mengambil gambar-gambar di tempat kejadian, dan SP2, rakan si mati. Keterangan SP2 dirujuk oleh perayu sebagai keterangan utama kerana SP2 dikatakan melihat bagaimana kemalangan berlaku. Pembelaan responden/defendan adalah bahawa kerja-kerja pembinaan jalan telah siap sedia dan telah disempurnakan dengan keadaan yang baik oleh defendan kedua pada bulan Jun 1996 dan responden/defendan kedua tidak cuai terhadap mana-mana pengguna jalan raya termasuklah si mati. Maka itu perayu tiada kausa tindakan terhadap responden/defendan kedua. Hakim mahkamah sesyen menolak tuntutan perayu dengan kos atas alasan bahawa si mati didapati 100% cuai. Perayu merayu terhadap sebahagian keputusan tersebut iaitu di atas isu liabiliti sahaja. Perayu menyatakan, antara lain, bahawa hakim mahkamah sesyen membuat keputusannya bertentangan dengan keterangan-keterangan yang

dikemukakan di mahkamah. Seterusnya, perayu berhujah bahawa responden/defendan pertama dan kedua gagal mengemukakan sebarang keterangan bagi menunjukkan si mati adalah cuai. Oleh demikian, responden dianggap gagal mencabar keterangan perayu ataupun menafikan butir-butir kecuaian yang dinyatakan oleh perayu. Responden sebaliknya berhujah bahawa hakim mahkamah sesyen telah menimbang semua keterangan yang dikemukakan sebelum membuat keputusan. Walaupun tiada alasan penghakiman ditulis kerana hakim sesyen telah meninggal dunia, responden percaya bahawa hakim sesyen telah mencapai keputusannya setelah meneliti segala keterangan lisan dan keterangan dokumen yang dikemukakan dan Mahkamah Tinggi tidak harus mengganggu keputusan tersebut.

Diputuskan, menolak tuntutan perayu dengan kos:

(1) Keterangan SP1 dan SP2 adalah berlawanan di antara satu sama lain di mana SP1 mengesahkan tiada lubang pada jalan raya dan SP2 pula menyatakan adanya lubang. Dalam keadaan terdapatnya percanggahan dalam keterangan saksi perayu sendiri, maka keterangan yang lebih berkemungkinan untuk dijadikan panduan adalah keterangan senyap iaitu rajah kasar, gambar-gambar atau kesan kerosakan pada kenderaan. Rajah kasar dan kunci rajah kasar menunjukkan tiada sebarang penemuan lubang yang dinyatakan. Tiada juga keterangan SP1 menunjukkan permukaan jalan tidak rata. Mahkamah berpendapat bahawa keterangan SP1 lebih konsisten dengan rajah kasar (lihat perenggan 15–16).

(2) Keterangan SP2 sendiri jelas tidak boleh dipercayai kerana terdapat percanggahan dengan dokumen-dokumen yang dikemukakan seperti rajah kasar dan laporan polis yang dibuat. Tambahan pula laporan polis SP2 dibuat sepuluh hari selepas kemalangan. Kegagalan pihak responden mencabar keterangan SP2 tidak bermakna keterangannya diterima dan dianggap benar (lihat perengan 17).

(3) Surat daripada Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Kerjaraya Pekan yang dihantar kepada peguamcara perayu jelas menunjukkan tiada kerja-kerja pembaikan jalan dilakukan pada tarikh kemalangan dan kerja-kerja penurapan jalan yang melibatkan kawasan kemalangan telah pun selesai. SP1 yang memeriksa keadaan jalan tempat kejadian juga menyatakan sedemikian. Tiada juga pengesahan daripada pegawai penyiasat kes. Oleh itu perayu gagal menunjukkan bahawa terdapatnya lubang atau jalan tidak rata (lihat perenggan 21).

[English summary

The appellant brought this claim under s 7 of the Civil Law Act 1956 claiming as a dependent to the deceased ie, Yahaya bin Awang, her husband. Apart from the appellant, the deceased also left behind three children aged,

12, ten and eight years old. On 7 June 1996, as the deceased was riding his motorcycle from Nenasi towards Rompin, the deceased was alleged to have fallen from his motorcycle after hitting the uneven road at Jalan Nenasi and Jalan Rompin Pekan. The deceased died as a result of the accident on 12 June 1996 and the cause of death as stated in the death certificate was 'MVA with head injury-right temporal intracerebral haemorrhage'. The appellant summoned the second respondent/defendant as the contractual company and as the agent to the first respondent/defendant for the road repair works which had been negligent in the road repair or giving any warning signs at the time of the incident. The appellant produced two independent witnesses, SP1, who had prepared the sketch plan and key and had taken photographs at the scene of the incident, and SP2, a friend of the deceased. SP2's testimony was referred to by the appellant as the main evidence as SP2 was said to have witnessed how the accident occurred. The respondents'/defendants' defence was that the road construction works had been finished and completed in good order by the second respondent in June 1996 and the second respondent was not negligent towards any road users including the deceased. Therefore the appellant had no cause of action against the second respondent. The sessions court judge dismissed the appellant's claim with costs on the ground that the deceased had been 100% negligent. The appellant appealed against part of the decision ie on the issue of liability. The appellant stated, inter alia, that the sessions court judge made his decision against the evidence produced in the court. Further, the appellant contended that the first and second respondents had failed to produce any evidence to show that the deceased was negligent. Therefore, the respondents were presumed to have failed to challenge the appellant's evidence or deny the details of negligence stated by the appellant. The respondent on the other hand contended that the sessions court judge had considered all the evidence adduced before coming to his decision. Although there was no written judgment following the demise of the sessions judge, the respondent believe that the sessions judge made the decision after assessing all the oral and documentary evidence produced and the High Court should not disturb the said decision.

Held, dismissing the appellant's claim with costs:

(1) The testimony by SP1 and SP2 were conflicting with one another whereby SP1 confirmed that there was no pothole on the road and SP2 stated otherwise. In the event where there were conflicts in the appellant's witnesses evidence itself, then the evidence which was more probable to be used as guide was the silent evidence ie the sketch, photographs or the damages marks on the vehicle. The sketch and the key to the sketch did not show any pothole as stated. SP1's evidence also did not show uneven road. The court was of the view that the evidence of SP1 was more consistent with the sketch (see paras 15–16).

(2) SP2's testimony was clearly not believable as there were contradictions with the documents produced as sketch and the police report. Moreover SP2's police report was made ten days after the accident. The failure of the respondent to challenge the SP2's evidence did not mean that his evidence was admissible and presumed to be true (see para 17).

(3) The letter from the District Engineer's Office, Pekan Works Department which had been sent to the appellant's counsel clearly showed that there was no road repair work that was being done at the time of the accident and the road resurfacing works involving the accident area had already been completed. SP1 who had inspected the condition of the road at the place of the incident had also stated the same. There was also no confirmation from the investigation officer of the case. Therefore the appellant failed to show that there was pothole or uneven road (see para 21).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1258–1500.

Kes-kes yang dirujuk

Mohd Yusof bin Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor [2006] 5 MLJ 251, MT (dirujuk)

Nanyang Development (1966) Sdn Bhd v How Swee Poh [1970] 1 MLJ 145, MP (dirujuk)

Payremalu a/l Veerappan v Dr Amarjeet Kaur & Ors [2001] 3 MLJ 725, MT (dirujuk)

San Seong Choy & Ors v Yuson Bien [1962] MLJ 427, MT (dirujuk)

Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v Plenitude Holdings Sdn Bhd [1993] 1 MLJ 113, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 7

Harinder Singh (Mahinder & Co) bagi pihak perayu.
Najwa bt Hashim (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden pertama.
Murali Sandrakasan (Khoo & Sidhu) bagi pihak responden kedua.

Mariana Yahya PK:

[1] Ini adalah rayuan perayu/plaintif merayu terhadap sebahagian keputusan hakim mahkamah sesyen bertarikh 19 Ogos 2004 yang

memutuskan bahawa tuntutan perayu/plaintif ditolak dengan kos. Rayuan adalah atas isu liabiliti sahaja di mana diputuskan bahawa si mati, Yahaya bin Awang adalah didapati 100% cuai.

[2] Saya telah menimbang rayuan perayu/plaintif, rekod rayuan dan hujahan bertulis kedua-dua pihak dan mendapati bahawa hakim mahkamah sesyen tersebut tidak khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menolak tuntutan perayu/plaintif dengan kos pada 19 Ogos 2004. Saya telah menolak rayuan perayu/plaintif dengan kos. Berikut adalah alasan-alasan saya memutuskan sedemikian.

FAKTA KES

[3] Fakta kes secara ringkasnya menyatakan bahawa perayu/plaintif membawa tuntutan ini di bawah s 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 menuntut sebagai tanggungan kepada si mati iaitu, Yahaya bin Awang (si mati) yang merupakan suami kepada perayu/plaintif. Selain dari perayu/plaintif si mati juga meninggalkan tiga orang anak berusia 12 tahun, sepuluh tahun dan lapan tahun pada tahun 1999 (merujuk kepada tarikh tindakan ini difailkan iaitu pada 9 Jun 1999). Pada 7 Jun 1996 si mati telah menunggang motosikal nombor pendaftaran JDQ 7937 dari arah Nenasi menuju ke Rompin iaitu dari arah atas ke bawah rajah kasar (ms 148 rekod rayuan). Si mati dikatakan telah terjatuh dari motosikalnya selepas terlanggar permukaan jalan yang tidak rata di Jalan Nenasi dan Jalan Rompin Pekan. Akibat daripada kemalangan tersebut si mati telah dimasukkan ke hospital dan meninggal dunia pada 12 Jun 1996 dan sebab-sebab kematian dinyatakan di dalam sijil kematian sebagai 'MVA with head injury-right temporal intracerebral hemorrhage' (laporan perubatan ms 128 RR dan sijil kematian ms 132 RR dirujuk). Perayu/plaintif menyaman responden/defendan kedua sebagai syarikat kontraktor dan juga ejen kepada responden/defendan pertama untuk tugas membaiki jalan yang mana telah cuai dalam membaiki jalan atau meletakkan sebarang tanda amaran pada masa kejadian.

[4] Pembelaan responden/defendan adalah bahawa kerja-kerja pembinaan jalan telah siap sedia dan telah disempurnakan dengan keadaan yang baik oleh defendan kedua pada bulan Jun 1996 dan responden/defendan kedua tidak cuai terhadap mana-mana pengguna jalanraya termasuklah si mati. Maka itu perayu/plaintif tiada kausa tindakan terhadap responden/defendan kedua.

HUJAHAN PERAYU/PLAINTIF

[5] Peguam perayu/plaintif berhujah bahawa terdapat banyak kesilapan

dilakukan semasa perbicaraan di mahkamah sesyen apabila hakim mahkamah sesyen membuat keputusannya bertentangan dengan keterangan-keterangan yang dikemukakan di mahkamah sesyen dan gagal mengambilkira segala keterangan saksi-saksi. Keputusan yang dibuat oleh hakim sesyen dikatakan tidak disokong oleh mana-mana keterangan. Saya berpendapat adalah tidak adil bagi peguam perayu berhujah bahawa hakim sesyen telah membuat keputusannya tanpa mengambilkira keterangan saksi-saksi apabila tiada alasan penghakiman mengenainya disediakan oleh hakim sesyen untuk menyatakan sebab-sebab beliau membuat keputusan sedemikian. Saya yakin jika hakim sesyen berkenaan masih hidup, beliau pasti akan menyediakan alasan-alasannya mengapa beliau menolak tuntutan plaintif.

[6] Peguam perayu/plaintif telah merujuk kepada keterangan SP1 mengenai keadaan jalan selepas di jambatan Nenasi iaitu jalan menurun sedikit, muka jalan curam sedikit, permukaan jalan ada batu-batu kecil dan sedang dibaiki khasnya di kiri jalan menghala ke Rompin yang menyebabkan si mati terbabas dan jatuh yang mana telah menyebabkan si mati mengalami kecederaan dan meninggal dunia kemudiannya. Peguam perayu/plaintif seterusnya berhujah bahawa responden/defendan pertama dan kedua tidak mengemukakan sebarang saksi untuk mengemukakan sebarang keterangan bagi menunjukkan si mati adalah cuai dan sebaliknya telah memilih berhujah tiada kes untuk dijawab di akhir kes perayu/plaintif. Maka itu responden/defendan-defendan dianggap gagal mencabar keterangan perayu/plaintif ataupun menafikan butir-butir kecuaian yang dinyatakan oleh perayu/plaintif.

HUJAHAN RESPONDEN/DEFENDAN-DEFENDAN

[7] Peguam responden/defendan-defendan berhujah hakim mahkamah sesyen telah pun menimbang semua keterangan saksi-saksi, gambar-gambar dan rajah kasar secara menyeluruh sebelum membuat keputusan. Walaupun tiada alasan penghakiman ditulis kerana hakim sesyen telah meninggal dunia, responden/defendan percaya bahawa hakim sesyen tersebut telah mencapai keputusannya setelah meneliti segala keterangan lisan dan keterangan dokumen yang ada di hadapan beliau. Hakim Mahkamah Tinggi tidak seharusnya mengganggu keputusan hakim sesyen tersebut.

BEBAN PEMBUKTIAN

[8] Undang-undang adalah jelas bahawa beban pembuktian adalah atas imbangan kebarangkalian dan beban tersebut hendaklah dibuktikan oleh perayu/plaintif bahawa keterangan yang dibawa oleh perayu/plaintif mencukupi untuk menunjukkan bahawa responden/defendan-defendan telah cuai yang menyebabkan kemalangan itu berlaku. Kes *Mohd Yusof bin*

A *Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor* [2006] 5 MLJ 251 telah dirujuk oleh pihak responden/defendan-defendan yang menyatakan:

> … there was no duty on the part of the first defendant to prove that there was not negligent for the accident until the plaintiffs have established negligence against the first defendant which the plaintiffs had failed.

B

Kes *Nanyang Development (1966) Sdn Bhd v How Swee Poh* [1970] 1 MLJ 145 (MP), Azmi KHN juga menyatakan prinsip yang sama akan beban pembuktian iaitu:

C

> That rule means 'the burden of proving' a fact rests on the party who substantially asserts the affirmative of the issues and not upon the party who denies it.

Adakah keterangan yang ada di hadapan hakim sesyen semasa perbicaraan mencukupi untuk menunjukkan bahawa kecuaian telah dilakukan oleh responden/defendan-defendan.

D

PENILAIAN KETERANGAN SAKSI-SAKSI BERDASAR REKOD RAYUAN

E **[9]** Perayu/plaintif hanya mengemukakan dua saksi sahaja iaitu SP1 yang membuat rajah kasar dan kunci serta mengambil gambar-gambar di tempat kejadian. Manakala SP2 pula adalah rakan si mati yang dikatakan mengekori motosikal si mati dari belakang pada masa kejadian. Keterangan SP2 telah dirujuk oleh perayu/plaintif sebagai keterangan utama kerana SP2 dikatakan
F melihat bagaimana kemalangan berlaku. Berdasar daripada keterangan beliau maka perayu/plaintif telah menyatakan di dalam plidingnya bahawa si mati telah terlanggar permukaan jalan yang tidak rata dan jatuh daripada motosikalnya. Adakah keterangan SP2 ini benar-benar menggambarkan perkara sebenar berlaku pada masa kemalangan dan disokong oleh
G mana-mana keterangan saksi lain atau keterangan-keterangan lain yang ada.

[10] Saya merujuk kepada keterangan SP2. SP2 mengatakan beliau telah pulang dari tempat kerja bersama-sama dengan si mati. SP2 dikatakan telah mengekori motosikal si mati dari belakang pada jarak lebih kurang 100 kaki.
H SP2 di dalam keterangannya di ms 60 rekod rayuan menyatakan bahawa 'si mati telah melanggar satu lubang yang berada di atas jalan. Si mati telah terjatuh'. Di ms 61 rekod rayuan, sekali lagi SP2 menyatakan 'Jalan yang ada lubang adalah jalan yang lurus'. Keterangan ini menunjukkan sebab-sebab si mati jatuh adalah kerana si mati melanggar satu lubang yang ada di atas jalan
I yang dilaluinya. Oleh yang demikian, kemalangan adalah disebabkan si mati melanggar satu lubang. Namun demikian peguambela perayu/plaintif di dalam hujahannya di ms 110 rekod rayuan menafikan akan punca kemalangan bukanlah pada perkara lubang yang ada di atas jalan tetapi daripada permukaan jalan yang tidak rata yang mempunyai batu-batu kecil.

[11] Haruslah diingat bahawa perayu/plaintif hanya mempunyai keterangan SP1 dan SP2 untuk membuktikan kecuaian responden/defendan-defendan. Keterangan SP2 di dalam rekod rayuan tidak menyatakan bahawa sebab-sebab si mati jatuh adalah kerana permukaan jalan yang tidak rata. Saya juga merujuk kepada laporan polis yang dibuat oleh SP2 di ms 150 yang mana SP2 menyatakan '*Yahaya telah terlanggar lubang dan terbabas ke tepi jalan*'. Adakah SP2 juga benar-benar telah melihat lubang yang dikatakan oleh beliau. Tiada keterangan mengenainya untuk disahkan sama ada oleh SP2 ataupun SP1. Dalam keadaan sedemikian maka adalah wajar dan munasabah persoalan lubang yang dikatakan ada di atas jalan hendaklah dipastikan.

[12] Soalan seterusnya adakah terdapat lubang di tempat kejadian? Saya rujuk keterangan SP1 di ms 50 rekod rayuan yang menyatakan:

> Ada periksa jalan, keadaan jalan selepas jambatan Nenasi, jalan menurun ke bawah, muka jalan curam ke sebelah kiri ada batu kecil sedang dibaiki. *Tiada lubang* cuma ada batu-batu kecil sedang dibaiki.

Arah perjalanan si mati pula adalah dari Nenasi ke Rompin (dari atas ke bawah mengikut rajah kasar di ms 148–149 rekod rayuan). Batu-batu kecil yang dikatakan adalah berada di lorong jalan dari Rompin ke Nenasi iaitu dari bawah ke atas rajah kasar. Ini bermakna batu-batu kecil yang dikatakan oleh SP1 tidak berada di laluan si mati. Ini dapat dilihat pada keterangan pemeriksaan balas SP1 di ms 50–51 rekod rayuan yang juga menyebut:

> Soal: Kata atas permukaan jalan batu kecil
>
> Jawapan: Dari pada Rompin-Nenasi sebelah kiri
>
> Soal: Merujuk P1-H, papan tepi kaki lima jalan – kurang laju?
>
> Jawapan: Ya.
>
> Soal: Jumpa/temui tanda di sebelah kanan jalan Nenasi/Rompin
>
> Jawapan: Tiada.

Keterangan SP1 ini menunjukkan batu-batu kecil yang dikatakan berada pada jalan dari Rompin–Nenasi sebelah kiri menunjukkan batu-batu kecil tersebut berada di lorong A-B dari bawah ke atas rajah kasar dan tidak sepertimana yang dihujahkan oleh peguam perayu/plaintif yang ianya berada di laluan si mati.

[13] SP1 dan SP2 telah pun mengesahkan arah perjalanan si mati adalah dari Nenasi ke Rompin iaitu dari atas ke bawah seperti di dalam rajah kasar. Dalam menilai keterangan SP1 ini saya dapati tiada keterangan menunjukkan di laluan si mati terdapatnya batu-batu kecil, permukaan tidak rata ataupun sebarang lubang. Oleh yang demikian hujahan peguambela

perayu/plaintif bahawa punca kemalangan adalah disebabkan permukaan jalan yang tidak rata yang mempunyai batu-batu kecil adalah tidak benar kerana batu-batu kecil tidak berada di laluan si mati.

[14] SP2 tidak bersetuju apabila ditanyakan soalan bahawa tiadanya lubang di tempat kemalangan dengan alasan beliau ada lalu di kawasan tersebut. Namun demikian tiada keterangan menunjukkan SP2 juga telah mengesahkan bahawa beliau telah melihat atau memeriksa permukaan dan keadaan jalan yang dilalui oleh si mati pada hari kejadian.

[15] Di dalam kes perayu/plaintif ini terdapat dua keterangan saksi bebas dan keterangan SP1 dan SP2 tersebut adalah berlawanan di antara satu sama lain yang mana SP1 mengesahkan tiada lubang pada jalan raya dan SP2 pula menyatakan adanya lubang. Dalam keadaan ini keterangan siapakah yang harus diberi keberatan oleh mahkamah. Dalam keadaan terdapatnya dua percanggahan keterangan saksi perayu sendiri, maka keterangan yang lebih berkemungkinan untuk dijadikan panduan adalah keterangan senyap iaitu rajah kasar, gambar-gambar atau kesan kerosakan pada kenderaan. Kes *San Seong Choy & Ors v Yuson Bien* [1962] MLJ 427 dirujuk yang menyatakan:

> Where the drivers and witnesses on each side tell conflicting stories, the photographs, plans and measurements of the scene and the nature of the damage to each vehicle must provide the most reliable guide by which such evidence can be tested.

[16] Keterangan senyap ini bukan sahaja senyap tetapi ianya boleh dinilai daripada penjelasan SP1 sendiri yang telah pergi melihat dan memeriksa tempat kejadian pada ketika itu. Rajah kasar dan kunci rajah kasar menunjukkan tiada sebarang penemuan lubang yang dinyatakan. Tiada juga keterangan SP1 menunjukkan permukaan jalan tidak rata. Saya berpendapat keterangan SP1 lebih konsisten dengan rajah kasar. SP1 sendiri tidak dapat merumuskan punca kemalangan kerana siasatan awal telah diserahkan kepada Inspektor Asri Yusof tetapi tidak dipanggil untuk mengesahkan akan siasatan. Dalam keadaan sedemikian inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai.

[17] Saya berpendapat keterangan Inspektor Asri Yusof di dalam kes perayu/plaintif ini adalah penting dalam menentukan akan hasil siasatan beliau akan punca kemalangan berlaku dan juga keadaan sebenar jalan raya yang dilalui oleh si mati pada masa kejadian. Adakah siasatan juga dibuat sama ada apa yang dilaporkan oleh SP2 adalah benar. Keterangan SP2 sendiri jelas tidak boleh dipercayai kerana terdapat percanggahan dengan dokumen-dokumen yang dikemukakan seperti rajah kasar dan laporan polis yang dibuat. Tambahan pula laporan polis SP2 dibuat sepuluh hari selepas

kemalangan. Kegagalan pihak responden/defendan mencabar keterangan SP2 tidak bermakna keterangannya diterima dan dianggap benar.

Tiada juga siasatan dibuat terhadap tanda 'F' yang ditunjukkan di dalam rajah kasar iaitu kesan garisan atas jalan. Adakah tanda 'F' ini datangnya daripada motosikal si mati atau tidak, tidaklah dapat dipastikan. Panjang kesan garisan tersebut adalah 4m. Keterangan Inspektor Asri Yusof jika diadakan akan dapat menjawab akan kemusykilan-kemusykilan yang menjadi pertikaian. Oleh itu keterangan yang perayu/plaintif ada hanyalah dari SP1 dan SP2 sahaja yang tidak menyokong antara satu sama lain. Adakah dua keterangan ini mencukupi untuk membuktikan bahawa kemalangan yang menimpa si mati adalah akibat dari kecuaian responden/defendan-defendan.

[18] Pihak-pihak adalah terikat dengan pliding. Saya merujuk kepada pernyataan tuntutan perayu/plaintif di ms 17 perenggan 4 yang menyebut:

> Pada 7-6-96, si mati sedang menunggang motosikal No.JDQ 7937 di Jalan Nenasi-Jalan Rompin, Pekan Pahang Darul Makmur dan *terlanggar permukaan jalan yang tidak rata dan jatuh*, dan simati mengalami kecederaan diri dan meninggal dunia pada 12-6-96.

Perkataan '*terlanggar permukaan jalan yang tidak rata dan jatuh*' tidak pernah diperjelaskan akan maksud sebenarnya. Adakah permukaan jalan yang tidak rata adalah merujuk kepada permukaan jalan yang berbatu-batu, berlubang-lubang, berlekuk-lekuk, berlopak, ketinggian permukaan jalan yang tidak sama ataupun berpasir. Saya percaya perayu/plaintif melalui keterangan SP2 telah memilih di antara permukaan jalan yang tidak rata yang saya maksudkan di atas tadi ialah jalan yang berlubang. Jalan yang berlubang inilah yang dikatakan telah dilanggar oleh si mati yang menyebabkan si mati terjatuh. Malangnya keterangan tidak menunjukkan jalan yang sedemikian.

[19] Peguambela perayu/plaintif juga telah berhujah bahawa tiada tanda amaran diletakkan di atas jalan raya yang dilalui oleh si mati. Kegagalan responden/defendan meletakkan tanda amaran di atas jalan menunjukkan satu kecuaian responden/defendan. Keterangan juga menunjukkan tiada kerja-kerja pembinaan/pembaikan dijalankan di tempat kejadian pada masa material (rujuk ms 151 rekod rayuan). Oleh yang demikian, tidak timbul isu bahawa tanda amaran sepatutnya diletakkan di tempat kejadian kerana sememangnya tiada kerja-kerja sedemikian dijalankan.

[20] Responden/defendan-defendan mengambil keputusan memilih untuk menjawab tiada kes terhadap mereka, maka itu peguam perayu/plaintif menyimpulkan bahawa keterangan saksi-saksi perayu/plaintif tidak tercabar. Saya berpendapat ianya bukanlah suatu pembuktian secara automatik bahawa jika tiada keterangan di pihak pembelaan maka kes perayu/plaintif adalah tidak dicabar. Ia perlu dilihat pada sesuatu fakta kes itu.

Undang-undang adalah mantap bahawa pembuktian kecuaian adalah di pihak perayu/plaintif meskipun atas imbangan kebarangkalian. Penilaian ke atas keterangan saksi-saksi perayu/plaintif tidak membuktikan bahawa kecuaian adalah di pihak responden/defendan-defendan. Dalam keadaan ini masihkah perayu/plaintif menegaskan bahawa mereka telah membuktikan kes mereka atas imbangan kebarangkalian? Kes *Payremalu a/l Veerappan v Dr Amarjeet Kaur & Ors* [2001] 3 MLJ 725 menyokong akan kes responden/defendan-defendan di mana diputuskan:

> … the plaintiff had failed to establish any negligence against the defendant as pleaded in the statement of claim and the defendants had rightfully exercised their option by submitting no case to answer. It is settled law that it is not for the defendants to disprove the allegation as contained under the particular negligence in the statement of claim as the legal burden of prove is still rests on the plaintiff.

[21] Peguam perayu/plaintif juga berhujah bahawa jalan sedang dibaiki maka adalah munasabah terdapatnya lubang dan jalan tidak rata. Ini disokong oleh surat daripada Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Kerjaraya Pekan yang dihantar kepada peguamcara perayu/plaintif sendiri di mana ianya telah diterima dan ditanda sebagai P3. Surat tersebut jelas menunjukkan tiada kerja-kerja pembaikan jalan dilakukan pada tarikh kemalangan dan kerja-kerja penurapan jalan yang melibatkan kawasan kemalangan telah pun selesai. SP1 yang memeriksa keadaan jalan tempat kejadian juga menyatakan sedemikian. Tiada juga pengesahan daripada pegawai penyiasat kes. Maka itu perayu/plaintif gagal menunjukkan bahawa terdapatnya lubang atau jalan tidak rata.

[22] Saya bersetuju bahawa mahkamah yang mendengar rayuan biasanya agak keberatan mengganggu keputusan hakim bicara yang mendengar kes di mana keputusan telah diberikan setelah meneliti segala fakta-fakta yang ada di hadapannya. Di dalam kes ini saya berpendapat walaupun hakim sesyen telah meninggal dunia dan tidak berkesempatan menulis alasan penghakimannya, saya percaya keputusan yang dibuat adalah berdasar pada semua keterangan yang ada di hadapan hakim bicara dan menimbang kesemua keterangan saksi-saksi dan dokumen-dokumen yang dikemukakan di hadapan beliau. Adalah tidak tepat dan betul bagi mahkamah ini secara ab initio menolak keputusan yang dibuat tanpa alasan penghakiman bila mana rekod rayuan menunjukkan kesemua keterangan saksi-saksi dan hujahan pihak-pihak telah direkodkan di hadapan hakim bicara. Adalah menjadi tanggung jawab mahkamah ini melihat keseluruhan rekod rayuan ini bagi menentukan sama ada perayu mempunyai asas di dalam rayuannya mengenai isu liabiliti. *Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v Plenitude Holdings Sdn Bhd* [1993] 1 MLJ 113:

Held:

(1) There was no misdirection of himself by the learned trial judge and the appeal court was not disposed to come to a different conclusion on the printed evidence in the appeal records as it did not have the advantage enjoyed by the trial judge of having seen and heard the witness.

Atas alasan-alasan yang telah saya nyatakan di atas, saya menolak rayuan perayu/plaintif dengan kos.

Tuntutan perayu ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed